

'Tebang satu, tanam semula 100 pokok'

PM arah DBKL
ambil tindakan
susulan
terhadap langkah
penebangan

Oleh Suzalina Halid
dan Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diarah menanam semula 100 pokok baharu bagi setiap pokok yang terpaksa ditebang.

Arahan itu dikeluarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kepada Datuk Bandar, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh untuk tindakan susulan.

Anwar mengambil pendekatan itu sebagai tindakan susulan terhadap langkah menebang pokok yang berisiko tinggi di sekitar bandar raya.

"Saya sudah memberi arahan kepada Datuk Bandar iaitu bagi setiap pohon yang terpaksa ditebang, 100 pokok baharu wajib ditanam semula," katanya melalui aplikasi X, semalam.

Kelmarin, DBKL menerusi kenyataan berkata, pemeriksaan

berkala dilaksanakan oleh arborist bertauliah dan pemeriksaan terakhir pada Februari lalu, mengenal pasti 28 pokok akan ditebang dalam tempoh terdekat.

Pihak berkuasa sudah melakukan pemeriksaan ke atas pokok yang berusia lebih 30 tahun atau yang mempunyai lilitan melebihi 1.5 meter di sekitar Kuala Lumpur sejak 2019.

Sehingga kini, 175 pokok dikenal pasti berisiko tinggi dengan sebahagian besarnya berusia melebihi 50 tahun dengan 147 daripadanya ditebang.

"Pokok berisiko merujuk kepada pokok yang berpotensi tinggi untuk mengalami kegagalan struktur dan tumbang.

"Ia dikenal pasti melalui penggunaan *resistograph*, *picus tomograph* atau penilaian visual bagi mengesan kecacatan pada pokok seperti dahan dan akar rosak atau reput, struktur pokok condong atau tidak seimbang dan rekahan pada dahan dan pangkal pokok," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, sebelum ini juga mengarahkan DBKL supaya segera menebang pokok berisiko tinggi, susulan kejadian pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail, di sini, minggu lalu, yang menyebabkan seorang mangsa terbunuh, manakala dua lagi cedera

selain turut menghempap 17 kenderaan serta landasan monorel.

MBSA kenal pasti pokok

Sementara itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengenal pasti 1,237 pokok di kawasan di bawah seliaannya akan ditebang dan dipangkas awal Jun ini, kerana berisiko terhadap keselamatan orang ramai.

Datuk Bandar Shah Alam, Chermi Tarman, berkata pokok terabit berusia lebih 20 tahun dan proses penebangan serta pemangkasan *topping* membabitkan kos RM1,428,700.

"Antara pokok itu ialah *Khaya Senegalensis*, Angsana, Rhu, *Yellow Flame* dan *Casuarina Rumphiana*.

"Pokok ini berketinggian 12 meter hingga 15 meter dengan ukur lilit 1.5 meter sehingga tiga meter," katanya ketika dihubungi, semalam.

Chermi berkata, MBSA sudah melantik 87 kontraktor pangkasan pokok di seluruh kawasan seliaan MBSA bagi menyelenggara pokok teduhan di seluruh Shah Alam dengan anggaran kos keseluruhan RM17 juta setahun.

Selain itu, kata beliau, MBSA juga melantik arborist bertauliah untuk melaksanakan kerja penilaian segera mengenai tahap kesihatan pokok di seluruh Shah Alam, terutama pokok yang be-



DBKL sudah melakukan pemeriksaan ke atas pokok berusia lebih 30 tahun di sekitar Kuala Lumpur sejak 2019.
(Foto Aizuddin saad/BH)

rusia lebih 20 tahun.

Sementara itu, katanya, antara tindakan jangka panjang adalah melaksanakan program inventori pokok teduhan yang dikenali sebagai e-Palsa untuk fasa pertama (2022-2023) di pusat bandar Shah Alam bagi mengenalpasti spesies dan tahap kesihatan pokok teduhan.

"Program e-Palsa akan dilaksanakan secara berperingkat me-

lalui 10 fasa bagi mengenal pasti spesies dan tahap kesihatan pokok di seluruh Shah Alam. Setiap fasa akan mengambil masa dua tahun pelaksanaan.

"Selepas lengkap semua fasa pelaksanaan program e-Palsa, MBSA akan mempunyai data inventori pokok teduhan yang lengkap dan sistematik yang akan memudahkan kerja penyelenggaraan dilaksanakan di tapak," katanya.